



BAB 2 KAEDAH PENGUMPULAN DATA

2.0 PENDAHULUAN

Data adalah keterangan tentang suatu hal, ia juga merupakan sesuatu yang diketahui atau yang dianggap atau anggapan. Data boleh digambarkan melalui angka, simbol, kod dan lain-lain. Data merupakan bahagian yang sangat penting dalam penyelidikan kerana inti daripada penyelidikan ialah data. Sepertimana disebutkan pada Bab sebelum ini bahawa penyelidikan dilakukan untuk tiga perkara, iaitu untuk mendapatkan data dengan tujuan tertentu, dan untuk kegunaan tertentu.

2.1 PENGUMPULAN DATA

Pengumpulan data adalah penyimpanan rekod peristiwa atau keterangan sebahagian atau seluruh elemen populasi yang akan menjadi penyokong proses penyelidikan. Langkah yang harus diperhatikan dalam pengumpulan data adalah: pertama, merumuskan tujuan pengumpulan data, kedua, penentuan jenis data yang akan dikumpulkan, ketiga, menentukan objek yang akan diteliti yang merupakan sumber data, keempat, menentukan teknik pengumpulan data yang akan digunakan, kelima, menentukan alat

bantu pengumpulan data, keenam, merancang tahap pengumpulan data dan yang terakhir, membentangkan data yang telah dikumpulkan.

Tujuan pengumpulan data bergantung kepada tujuan dan kaedah penyelidikan, khususnya jenis analisa data yang digunakan. Sekiranya kita ingin mengetahui gambaran masyarakat Kampung Mesjid, Kecamatan Batang Kuis, maka tujuan pengumpulan data akan berbeza dengan jika kita ingin mengetahui faktor-faktor yang mempengaruhi kadar pendapatan masyarakat Kampung Mesjid walaupun jenis data yang dikumpulkan adalah sama.

2.2 JENIS DATA DAN SKALA PENGUKURAN

Seterusnya, jenis data yang dikumpulkan dalam penyelidikan pada dasarnya terdiri daripada data kualitatif iaitu nilai dari pembolehubah yang tidak boleh dinyatakan dalam angka dan data kuantitatif iaitu nilai dari pembolehubah yang dapat dinyatakan dengan angka. Kedua-dua jenis data ini saling menyokong dan tidak boleh dikatakan bahawa satu lebih tinggi daripada yang lain.

Selain itu, terdapat data kualitatif yang boleh dikuantitatifkan melalui penggunaan indeks dan skor, sebaliknya data kuantitatif juga boleh dikualitatifkan, bergantung kepada tujuan penyelidikan dan alat analisa yang digunakan. Namun, bukan semua data kualitatif boleh dikuantitatifkan bergantung kepada skala ukuran yang digunakan.

Terdapat empat tahap skala pengukuran yang boleh dilakukan dalam mendapatkan data iaitu skala nominal, skala ordinal, skala interval dan skala nisbah. Skala nominal merupakan tahap ukuran terendah yang hanya dapat membezakan antara kategori tanpa menentukan tahap perbezaan antara kategori serta tanpa ditentukan